

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT KERJA PEGAWAI DAERAH 1997
Lokasi : HOTEL EQUATORIAL PULAU PINANG
Tarikh : 23-08-1997

1. Syukur Alhamdulillah, dengan limpah rahmat dan izinNya, dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Mesyuarat Kerja Pegawai Daerah bagi tahun 1997 pagi ini.

Mesyuarat kali ini sesungguhnya amat istimewa dengan kehadiran YAB Dato Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri untuk merasmikan pembukaannya dan seterusnya mengadakan dialog dengan para peserta. Kesediaan YAB Dato Seri untuk bersama kita pada pagi ini amat bermakna dan memberi mesej yang jelas bahawa YAB amat prihatin terhadap institusi pentadbiran daerah. Dengan itu, marilah kita menggunakan sepenuhnya kesempatan ini untuk benar-benar menghayati amanat, mendapatkan nasihat dan pandangan beliau tentang penerusan usaha-usaha bagi mempertingkatkan kecemerlangan pentadbiran daerah dan Perkhidmatan Awam keseluruhannya.

2. Mesyuarat Kerja Pegawai Daerah ini merupakan program tahunan yang diperkenalkan sejak tahun 1993.

Objektif utama mesyuarat ialah untuk menyediakan kesempatan kepada Pegawai-pegawai Daerah dan Ketua Jajahan mendapat penjelasan secara terus dan berbincang mengenai usaha-usaha pembaharuan dan penambahbaikan yang pragmatik dalam Perkhidmatan Awam. Langkah menyediakan forum seumpama ini juga penting bagi memastikan matlamat, rasional serta kaedah pelaksanaan semua program pembaharuan dapat difahami dan hayati oleh semua peringkat pentadbiran, khususnya di peringkat akar umbi yang bertinteraksi secara langsung dengan orang ramai. Pendekatan ini ternyata berjaya memberi impak yang amat positif dan menggalakkan. Sejak akhir-akhir ini, statistik Pejabat Daerah yang menunjukkan peningkatan dalam pengurusan kualiti dan produktiviti telah meningkat dan ini merupakan satu perkembangan yang amat membanggakan. Sebagai pengiktirafan dan menghargai usaha gigih mereka ini, Kerajaan telah mengadakan anugerah khas, iaitu Anugerah Kualiti Pejabat Daerah. Untuk makluman YAB, sempena Mesyuarat kali ini, beberapa buah Pejabat Daerah telah dipilih untuk menerima Anugerah Kualiti Pejabat Daerah 1997 yang akan disampaikan pada malam esok.

3. Usaha memperkasakan kecemerlangan Perkhidmatan Awam adalah merupakan satu proses yang berterusan dan tiada penghujungnya. Justeru itu, Perkhidmatan Awam perlu sentiasa bergerak seiringan dengan pemimpin negara dan perkembangan semasa serta peka kepada perubahan dinamik persekitarannya. Perkhidmatan Awam yang cekap dan sentitif kepada kehendak kliennya akan terus menjadi relevan dan mampu menghadapi pelbagai cabaran dan saingan dalam 'dunia tanpa sempadan' serta perkembangan rancak teknologi maklumat dan multimedia.

4. Perubahan pesat dan dinamik memerlukan skop mesyuarat diperluaskan untuk turut merangkumi beberapa topik dan isu penting yang dicernakan oleh pemimpin negara. Beberapa program pembaharuan utama yang sedang diberi perhatian serius oleh Kerajaan ialah pelaksanaan ISO 9000, Kerajaan Elektronik dan pelaksanaan projek- projek pembangunan sosio-ekonomi di peringkat daerah.

Mesyuarat Kerja kali ini akan menyediakan ruang khusus bagi penjelasan terperinci dan perbincangan mengeniannya.

YAB Dato Seri dan hadirin sekalian,

5. Mesyuarat kali ini diadakan dalam format yang agak berbeza dengan tahun-tahun yang lepas, dengan tujuan untuk memberi peluang secukupnya kepada peserta berbincang dan berkongsi pengalaman. Pada saya interaksi sebegini amat penting dalam memperkayakan pengetahuan kita kerana melalui perkongsian pengalaman kita akan lebih memahami dan menghayati isu dan masalah sebenar, dan seterusnya membolehkan kita memikirkan langkah penyelesaian yang lebih tepat.

6. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi- tinggi terima kasih kepada YAB Dato Seri Anwar

Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri kerana sesungguhnya kehadiran YAB Dato Seri merasmikan mesyuarat ini dan mengadakan dialog dengan peserta-peserta merupakan satu peluang keemasan yang amat dihargai. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dato Jamaluddin Ahmad Damanhuri, Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang dan semua pegawai yang telah memberi sepenuh sokongan dan kerjasama dalam menjayakan Mesyuarat Kerja ini. Saya berharap agar forum ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan mengambil bahagian secara aktif untuk bersama-sama menghasilkan input dan ide-ide baru bagi meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan pentadbiran daerah ke arah kecemerlangan Perkhidmatan Awam keseluruhannya.